

01/04/2002

Mampukah air mata Siti sejujukan hati lanun?

BERAMBU air mata Siti Nurhaliza apabila mengenangkan nasib albumnya, Sanggar Mustika yang sekarang sudah menjadi Sanggar Lanun! Apakah Siti hanya sekadar mencurahkan air matanya ke daun keladi?

Atau adakah Siti perlu titiskan air mata darah, baru lanun cetak rompak dan masyarakat akan berhenti daripada menyokong jenayah perdagangan yang semakin meruncing dan kembali mencuri headline di akhbar itu?

Agaknya, bagaimanalah reaksi lanun cetak rompak apabila melihat Siti menangis?

"Haiyaa.. itu Siti Nuhaliya sudah nangis ooooo. Kalau dapat angkat itu video dia nangis punya, banyak syok kita bikin cetak lompak..."

Mungkin itu dialog lanun yang hanya tersenyum sambil menghembus asap rokok apabila melihat kepedihan artis kita seperti Siti.

Bagi lanun, mereka hanya tahu membuat duit selagi ada peluang. Mereka peduli apa dengan undang-undang atau moral kerana gerak-geri mereka masih licik dan badan penguatkuasaan belum cukup kuat mengesan akar umbi gerakan bawah tanah itu.

Lagipun mereka fikir, kalau ada yang jual album atau VCD cetak rompak, mesti ada pelanggan beli. Bukannya ada pegawai penguat kuasa boleh cukup orang yang beli CD atau VCD cetak rompak. Jadi, kudis mula menjadi nanah!

Baru-baru ini, saya melihat Tan Sri SM Salim menangis pada satu majlis apabila memperkatakan nasib album artis tempatan yang menjadi mangsa cetak rompak. Memang air mata Siti mahupun SM Salim menjadi lambang kekesalan yang amat sangat terhadap isu panas itu. Namun adakah dengan hanya menangis, kita dapat menyelesaikan masalah?

Pada sidang media minggu lalu, Siti merayu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, campur tangan untuk berbuat sesuatu bagi membanteras serangan lanun cetak rompak.

Kata Siti, dia tidak ada tempat lagi untuk mengadu dan saya hargai niat serta ketulusan Siti yang sanggup berkorban air mata demi menjaga periuk nasi sendiri dan kawan lain dalam industri hiburan.

Selama ini, kita sedar Dr Mahathir pemimpin yang amat sibuk. Sebolehnya kita tidak mahu mengganggu tugas beliau di Putrajaya. Kita tidak mahu setiap masalah perlu 'diCCkan' terus kepada PM tetapi memandangkan penyakit ini semakin serius, mungkin PM ada sesuatu yang boleh diperkatakan.

Kita tahu, kebolehan Dr Mahathir dalam merumuskan formula selalunya berkesan dan mungkin itulah yang Siti dan orang lain harapkan.

Apa yang saya nampak, tindakan bersepadu amatlah perlu bagi menyelesaikan masalah ini. Kalau tidak dapat hilangkan secara drastik pun, sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkannya ke tahap paling minimum.

Kementerian terbabit terutama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) perlu memikirkan semula cara terbaik mengikut undang-undang bagi melancarkan perang besar-besaran terhadap lanun.

Siasatan perlu dibuat lebih teliti kerana saya pernah mendengar khabar angin mengatakan cetak rompak itu ada yang didalangi oleh orang dalam syarikat rakaman. Sejauh mana benarnya dakwaan itu, Tuhan saja yang tahu.

Saya berpendapat, tidak adil kalau membiarkan artis saja ke depan untuk membuat konsert atau road show anticetak rompak. Sudah berapa banyak konsert sebegitu dibuat tetapi hasilnya hanya setakat masuk telinga kiri, keluar telinga kanan!

"Dik sayangkan Akak tak? Kalau sayang, jangan beli album cetak rompak tau. Beli yang original." Begitulah pesanan penuh manja yang selalu dilontarkan oleh artis kita. Habis saja menyanyi sebuah lagu, pesanan hanya tinggal pesanan.

Bagi saya kempen yang bijak secara besar-besaran haruslah diuar-uarkan oleh jentera kerajaan mulai sekarang menerusi media cetak dan elektronik. Saya yakin sekiranya kempen anti cetak rompak dibuat dalam pakej yang baik, ia pasti berkesan.

Jangan sekali-kali lupa bahawa masyarakat sendiri menjadi penyumbang kepada bernaahnya aktiviti cetak rompak. Menerusi kempen yang bakal dibuat, beritahuberulang kali kepada masyarakat bahawa membeli barang cetak rompak satu kesalahan - bersubahat dengan penjenayah perdagangan.

Malah kempen itu boleh dibuat dengan kerjasama Kementerian Pendidikan supaya pemahaman itu sampai kepada murid-murid dan pelajar. Kalau budak-budak boleh pulang ke rumah dan menegur abang atau kakak mereka supaya jangan membeli produk cetak rompak, itu satu kejayaan awal.

Seperti yang pernah saya tulis dalam ruangan itu tidak lama dulu, tebal juga muka ini apabila mewawancara karyawan luar seperti Jackie Chan dan pengarah Bollywood, Subhash Ghai. Mereka merayu supaya kerajaan kita membanteras cetak rompak, khususnya VCD. Kata mereka, kita boleh membuat lapangan terbang dan menara terancang di dunia, tetapi kita gagal mengawal cetak rompak.

Jadi, anjurkanlah kempen memboikot barang cetak rompak. Jika sampai ke tahap siapa yang menjual dan membeli produk haram itu dipandang hina oleh orang sekeliling, bermakna juga kita sudah berjaya!

(END)